



UNTUK SIARAN SEGERA

5 OKTOBER 2015

KENYATAAN MEDIA

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT

TINDAKAN MENANGANI JEREBU DI TASKA ATAU PUSAT JAGAAN

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) ingin memaklumkan bahawa berdasarkan pemantauan berterusan di seluruh Negara menerusi bacaan Indeks Pencemaran Udara (IPU) pada hari ini 4 Oktober 2015 mendapati bahawa beberapa buah negeri menunjukkan IPU yang tidak sihat (IPU 101-200) IPU yang sangat tidak sihat (IPU 201-300).

Sehubungan dengan itu, KPWKM melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) ingin memaklumkan bahawa dalam menangani isu ini dan mengambil kira aspek pencegahan terhadap kanak-kanak dan bayi di TASKA atau Pusat Jagaan, Ketua Pengarah JKM bersetuju menurunkan kuasa kepada Pengarah Negeri dengan menasihati setiap pengusaha dalam mengambil tindakan sewajarnya iaitu dengan memberhentikan sementara sebarang aktiviti bersama kanak-kanak di luar premis.

Untuk kesejahteraan bersama, adalah dicadangkan setiap tindakan yang hendak diambil oleh TASKA atau Pusat Jagaan perlulah terlebih dahulu dirunding dan mendapat persetujuan bersama ibu bapa/penjaga. Ini termasuklah penutupan sementara TASKA atau Pusat Jagaan tersebut.

Ingin dimaklumkan juga bahawa sekiranya berlaku penutupan sementara bagi menangani isu ini, arahan tersebut adalah terkecuali dari Seksyen 16(1)(a) Perintah untuk menutup sementara Taman Asuhan Kanak-Kanak oleh Ketua Pengarah Kebajikan Masyarakat dalam Akta Taman Asuhan Kanak-Kanak [Akta 308] 1984.

###